

INGATAN PALSU DALAM KALANGAN KANAK-KANAK
PRA SEKOLAH: SATU BUKTI KEWUJUDAN
INGATAN PALSU DARIPADA
EKSPERIMEN INGATAN

ROZAINEE KHAIRUDIN
CHARYNA AYU RIZYANTI

ABSTRAK

The study aimed to investigate the occurrence of false memory in preschool children aged 3 to 6 years old. Three experiments were conducted using the traditional measurements of memory: free recall (experiment 1), cued recall (experiment 2) and recognition (experiment 3). A total of 24 children who were divided into three groups of 8, participated in the study. Results of experiment 1 showed a significant effect of categorical information on false memory. Preschool children were more likely to be influenced by false memory when the information was carried object category. Results of experiment 2 showed a significant difference in types of questions. More false memories were created for misleading questions than leading questions. Experiment 3 demonstrated that the preschool children were more likely to choose distracter pictures than target pictures. Within the distracter pictures, participants chose more false distracters than leading distracters. Implication of the findings suggests a strong evidence for the occurrence of false memory in preschool children. The size of false memory effect was determined by the type of information presented to the children.

PENDAHULUAN

Kajian mengenai ingatan palsu adalah kajian yang menjadi kontroversi sehingga sekarang. Hal ini adalah disebabkan pandangan baru tentang ingatan bahawa ingatan manusia boleh tersilap dan pada asasnya merupakan pembinaan semula jadi. Ini adalah bertentangan dengan pandangan tradisional di mana terdapat pengkaji terdahulu dalam bidang ingatan, menganggap bahawa ingatan adalah seperti sebuah kamera yang berfungsi merakam peristiwa secara seadanya (Atkinson & Shiffrin 1968). Pandangan baru tentang ingatan manusia di mana ingatan dilihat lebih kepada satu proses pembinaan semula maklumat atau peristiwa membawa kepada kajian tentang ingatan palsu.

Ingatan palsu berlaku apabila individu mengingat sesuatu perkara berbeza sedikit daripada apa yang sebenarnya berlaku. Bahkan adakalanya seseorang itu mengingat perkara yang langsung tidak pernah berlaku (Hunt & Ellis 2004). Terdapat beberapa kajian yang telah menunjukkan fenomena ingatan palsu yang juga merupakan satu jenis herotan ingatan (e.g., Rozainee & Lee 2004; Garcia-Bajos & Migueles 2003; Roediger &

McDermott 1995; Loftus 1975). Kesimpulan dari kajian-kajian ini adalah ingatan manusia boleh dipengaruhi oleh maklumat yang mengelirukan, mencadangkan, skrip (iaitu, perwakilan pengetahuan tentang sesuatu perkara atau peristiwa), ketipikalan peristiwa dan maklumat tidak benar. Justeru, membawa kepada pembinaan ingatan palsu pada manusia (Rozainee & Lee 2004). Maka, skop kajian yang dilaporkan ini adalah usaha pencarian faktor utama kewujudan dan pembinaan ingatan palsu.

Skop kajian ini juga adalah berkaitan dengan bidang perkembangan kognitif kanak-kanak. Di antara penfokusan utama dalam bidang ini adalah berkaitan dengan penghuraian dan pemahaman cara-cara di mana kemampuan intelektual kanak-kanak dan pengetahuan daripada dunia berubah melalui tahap perkembangan. Penfokusan juga berpusat pada cara kanak-kanak berfikir dan bagaimana mereka mengalami perubahan menerusi masa. Tidak dinafikan bahawa ingatan adalah penting dalam pelaksanaan keupayaan dan cara kanak-kanak berfikir. Bahkan ingatan adalah proses utama dalam perkembangan kognitif dan merupakan permasalahan banyak kajian (Schneider 2000).

Terdapat kajian yang memfokus kepada ketepatan ingatan kanak-kanak (e.g., Pezdek & Lam 2007). Minat pada isu ini adalah berkaitan dengan meningkatnya jumlah laporan kes penderaan kanak-kanak. Reaksi terhadap isu ini berbeza-beza. Sejumlah pengkaji berpendapat bahawa ingatan kanak-kanak pada umumnya boleh dipercayai dan memiliki pertahanan yang tinggi terhadap arahan yang diberikan (Goodman, Rudy, Bottoms & Aman 1990; Joner & McGraw 1987). Dibalikinya, terdapat pula pengkaji yang berpendapat bahawa kanak-kanak tidak boleh menjadi saksi yang boleh dipercayai disebabkan mereka sangat mudah dikelirukan di antara khayalan dan realiti sehingga membuatkan mereka terpedaya dengan maklumat yang dicadangkan oleh penemubual. Hal sebegini boleh dikaitkan dengan permasalahan ingatan palsu pada kanak-kanak. Misalnya, Dewhurst dan Robinson (2004) telah mengkaji ilusi ingatan pada kanak-kanak berumur antara 5 hingga 11 tahun. Mereka mendapati kanak-kanak tersalah mengingat kembali item yang tidak diwakili tetapi berkaitan dengan senarai yang dipelajari.

Kewujudan ingatan palsu pada kanak-kanak masih menjadi perdebatan antara pengkaji yang berminat mengkaji hal ini. Terdapat bukti yang menunjukkan bahawa ingatan palsu boleh wujud dalam pelbagai usia (e.g., Loftus & Pickrell 1995). Namun, ingatan palsu mungkin lebih mudah dikesam khususnya pada usia kanak-kanak pra sekolah atau kanak-kanak dalam umur peringkat awal. Ini perlu disiasat untuk mendapat bukti yang lebih kukuh. Kemungkinan besar pernyataan ini benar adalah disebabkan oleh pendapat beberapa pengkaji bahawa semakin awal usia kanak-kanak, semakin mudah mereka dipengaruhi oleh maklumat yang bersifat mengarah (Ceci & Bruck 1993). Tambahan lagi, kanak-kanak usia awal adalah sangat mudah dipengaruhi oleh cadangan khususnya daripada seseorang yang lebih tua dari mereka (Ceci & Friedman 2000). Walau bagaimanapun, ada juga pengkaji yang berpendapat bahawa ingatan kanak-kanak tidak mudah

diherotkan (e.g., Zaragoza & Lane 1994; Zaragoza & Mitchell, 1996). Justeru, kajian ini bertujuan untuk menyiasat permasalahan kewujudan ingatan palsu dalam kanak-kanak berusia pra sekolah.

Kajian ini bertujuan untuk menguji daya ingatan kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan tiga prosedur yang berlainan: mengingat kembali secara bebas, mengingat kembali dengan tanda saran dan pengecaman. Tujuan kajian ini juga adalah bagi mengenalpasti sejauhmana ingatan palsu wujud pada kanak-kanak pra sekolah.

METOD

Rekabentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk eksperimen. Terdapat tiga eksperimen yang dijalankan: ingat kembali secara bebas, ingat kembali dengan tanda saran dan pengecaman.

Pemboleh ubah bebas dalam eksperimen ingat kembali secara bebas dan ingat kembali dengan tanda saran adalah kategori soalan (suspek, barang yang dibawa, objek, persekitaran dan rangkaian peristiwa). Pembolehubah bebas dalam eksperimen pengecaman pula adalah kategori maklumat (memimpin, tidak benar dan neutral (*baseline*)). Pemboleh ubah terikat bagi ketiga-tiga eksperimen adalah markah atau jawapan betul yang diberikan.

Subjek

Seramai 24 orang kanak-kanak berusia antara 3 hingga 6 tahun dipilih secara rambang dari sebuah taska/tadika. Kanak-kanak ini kemudiannya dibahagikan kepada tiga kumpulan di mana setiap kumpulan mengandungi 8 orang.

Peralatan

Alat kajian yang digunakan dalam eksperimen adalah:

- i. Sebuah video bagi menayangkan salah satu adegan dari filem "*Home Alone II*". Petikan adegan daripada filem tersebut adalah peristiwa kecurian di kedai mainan oleh dua orang pencuri. Tayangan klip filem adalah selama 2 minit.
- ii. Kertas jawapan bagi mencatat jawapan setaip subjek.
- iii. 2 buah komputer riba bersaiz 16 inci yang digunakan bagi tayangan filem
- iv. 16 slaid gambar yang berkaitan dengan peralatan makanan

Tatacara Eksperimen

i. Eksperimen ingat kembali secara bebas (Eksperimen 1)

Peserta diuji secara individu. Peserta menonton tayangan klip dari filem "*Home Alone II*". Selepas sahaja peserta menonton filem, pengkaji akan meminta peserta menceritakan seluruh aspek filem yang boleh diingat oleh peserta tanpa gangguan daripada pengkaji. Jawapan peserta dicatat dalam borang kajian yang telah disediakan. Skor 1 diberi kepada respons yang tidak ada dalam filem yang ditonton oleh kanak-kanak. Lebih tinggi skor, maka lebih tinggi ingatan palsu kanak-kanak.

ii. Eksperimen ingat kembali dengan tandasaran (Eksperimen 2)

Peserta menonton klip dari filem "*Home Alone II*" secara bersendirian. Serta merta selepas tontonan, peserta diberi soalan menurut kumpulan yang telah dibahagikan terdahulu: kumpulan maklumat memimpin, kumpulan maklumat mengelirukan dan kumpulan maklumat neutral. Jawapan peserta dicatat dalam borang respons oleh pengkaji. Bagi mengukur ingatan palsu dalam keadaan ini, skor 1 diberi jika peserta menjawab secara tersilap (kumpulan soalan neutral) dan tidak bersetuju dengan arahan pengkaji (kumpulan soalan memimpin). Skor 0 diberi kepada jawapan yang betul (ie. bukan ingatan palsu). Skor 1 diberi pada jawapan yang bersetuju dengan maklumat mengelirukan yang menunjukkan kewujudan ingatan palsu.

iii. Eksperimen pengecaman (Eksperimen 3)

Eksperimen bermula dengan sesi pembelajaran di mana peserta secara individu dipersembahkan 16 gambar yang berupa peralatan makanan. Setiap gambar dipersembahkan selama 3 saat. Sebaik sahaja peserta melihat kesemua 16 gambar, peserta diberi ujian pengecaman yang terdiri daripada 3 *forced-choice*, iaitu memilih satu gambar daripada dua gambar yang dipersembahkan. Skor 0 diberi pada peserta yang mengecam gambar sasaran yang benar (tidak menunjukkan ingatan palsu). Skor 1 diberi pada peserta yang mengecam gambar pengganggu (menunjukkan kehadiran ingatan palsu).

KEPUTUSAN

Keputusan Eksperimen Ingat Kembali Secara Bebas (Eksperimen 1)

ANOVA satu hala dijalankan pada data kategori maklumat (suspek, barang yang dibawa, objek, persekitaran, rangkaian peristiwa). Analisis menunjukkan terdapat kesan utama faktor kategori maklumat terhadap skor ingatan palsu ($F=2.95, k<0.05$). Keputusan ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Keputusan ANOVA satu hala pada faktor kategori maklumat ke atas ingatan palsu

Punca variasi	JKD	dk	MKD	F	k
Antara kumpulan	6.650	4	1.663	2.946*	.034
Dalam kumpulan	19.750	35	.564		
Jumlah	26.400	39			

* $k < 0.05$

Oleh kerana ANOVA menunjukkan kesan signifikan kategori maklumat maka ujian pos hoc dilakukan bagi mengetahui di mana perbezaan min. Ujian pos hoc menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara maklumat barang yang dibawa dengan objek dan rangkaian peristiwa, objek dengan persekitaran, dan rangkaian peristiwa dengan suspek.

Jadual 2: Keputusan pos hoc pada kategori maklumat

Jenis Kategori Maklumat	Min	1	2	3	4	5
1.Suspek	1.00					*
2.Barang dibawa	1.25			*		*
3.Objek	0.25		*		*	
4.Persekitaran	1.13			*		
5.Rangkaian peristiwa	0.38	*				

Berdasarkan Jadual 2, min ingatan palsu paling tinggi adalah pada jenis kategori maklumat barang yang dibawa dan persekitaran. Manakala skor min ingatan palsu yang paling rendah adalah pada jenis kategori maklumat objek dan rangkaian peristiwa. Ini juga bermakna bahawa peserta eksperimen menghasilkan ingatan palsu pada maklumat jenis peristiwa persekitaran (iaitu, barang yang dibawa dan persekitaran). Keputusan pos hoc menunjukkan terdapatnya perbezaan signifikan antara jenis maklumat suspek dan rangkaian peristiwa. Perbezaan signifikan juga didapati antara maklumat barang dibawa dengan objek dan rangkaian peristiwa. Akhir

sekali terdapat perbezaan signifikan antara maklumat objek dengan persekitaran.

Keputusan Eksperimen Mengingat Kembali Dengan Tanda Saran (Eksperimen 2)

Keputusan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa terdapat perbezaan signifikan pada ingatan palsu antara jenis soalan yang berbeza (memimpin, mengeliru, neutral) ($F=7.163$, $k<0.01$).

Jadual 3: Keputusan ANOVA satu hala ingatan palsu mengikut jenis soalan

Punca variasi	JKD	df	MKD	F	k
Antara Kumpulan	66.083	2	33.042	7.163**	.004
Dalam Kumpulan	96.875	21	4.613		
Jumlah	162.958	23			

** $k<0.01$

Disebabkan ANOVA menunjukkan terdapatnya kesan utama faktor jenis soalan, maka ujian pos hoc dilakukan. Ujian pos hoc menunjukkan perbezaan yang signifikan antara soalan memimpin dengan soalan neutral. Terdapat juga perbezaan signifikan antara soalan memimpin dengan soalan mengeliru.

Jadual 4: Keputusan ujian pos hoc mengikut jenis soalan

Jenis Soalan	Min	1	2	3
1. Memimpin	2.75		*	*
2. Mengeliru	6.63	*		
3. Neutral	5.75	*		

Keputusan Eksperimen Pengecaman (Eksperimen 3)

Analisis keputusan deskriptif menunjukkan bahawa skor peratusan bagi pengganggu adalah 54.2% manakala bagi sasaran adalah 45.8%. Keputusan ini menunjukkan wujudnya ingatan palsu.

Jadual 5: Peratusan bagi pengecaman mengikut jenis gambar

Jenis gambar	Peratusan pengecaman (%)
Sasaran	45.8
Penggangu	54.2

Keputusan ANOVA menunjukkan terdapat kesan utama faktor jenis pengganggu yang berbeza (memimpin, tidak benar, neutral)($F=6.759$, $k<0.01$). Jadual 6 menunjukkan keputusan ANOVA bagi pengecaman mengikut jenis maklumat gambar.

Jadual 6: Keputusan ANOVA pengecaman bagi factor jenis maklumat gambar

Punca variasi	JKD	df	MKD	F	k
Antara kumpulan	2.333	2	1.167	6.759**	.005
Dalam kumpulan	3.628	21	.173		
Jumlah	5.958	23			

** $k<0.01$

Ujian pos hoc dilakukan bagi melihat perbezaan antara min. Ujian pos hoc menunjukkan perbezaan signifikan antara maklumat gambar jenis memimpin dengan maklumat gambar jenis tidak benar.

Jadual 7: Keputusan ujian pos hoc mengikut jenis pengganggu

Jenis pengganggu	Min	1	2	3
1. Memimpin	0.13		*	
2. Tidak benar	0.88	*		
3. Neutral	0.63			

PERBINCANGAN

Keputusan dari ketiga-tiga eksperimen (Eksperimen 1 – 3) menunjukkan kanak-kanak berumur antara 3 hingga 6 tahun mampu melakukan tugasan

yang berkaitan dengan ingatan. Lebih penting lagi adalah keputusan ketiga-tiga eksperimen juga membuktikan kewujudan ingatan palsu dalam kalangan sampel kajian yang terdiri daripada kanak-kanak pra sekolah. Kewujudan ingatan palsu pada kanak-kanak pra sekolah adalah ketara pada ketiga-tiga metod pengukuran ingatan iaitu, ingat kembali secara bebas, ingat kembali dengan tanda saran dan pengecaman. Terdapat beberapa kajian lepas, misalnya Brainerd, Reyna dan Brandse (1995), telah menunjukkan bahawa kanak-kanak berumur antara 5 hingga 8 tahun mempunyai respons pada ingatan palsu yang berkekalan. Rickertsen dan Bailenson (2008) juga telah menguji kewujudan ingatan palsu dalam kanak-kanak. Kajian mereka menggunakan *immersive virtual environment technology* (IVET) bagi mengkaji ingatan yang dipengaruhi oleh penyaksian satu simulasi dinamik tentang diri melakukan tindakan novel yang tidak pernah dilakukan oleh diri secara fizikal (Rickertsen & Bailenson 2008). Dapatan kajian oleh Rickertsen dan Bailenson (2008) menunjukkan bahawa ingatan palsu wujud pada kanak-kanak pra sekolah. Bagi kanak-kanak sekolah rendah, ingatan palsu wujud lebih banyak dalam kondisi imej mental dan IVET diri daripada kondisi kawalan.

Keputusan eksperimen 1 menunjukkan bahawa ingatan palsu dipengaruhi oleh jenis kategori maklumat yang berbeza (suspek, barang yang dibawa, objek, persekitaran, rangkaian peristiwa). Kanak-kanak pra sekolah dalam kajian menghasilkan ingatan palsu terbanyak pada kategori maklumat berkaitan dengan barang yang dibawa ($\text{min}=1.25$). Walau bagaimanapun, kanak-kanak tidak banyak menghasilkan ingatan palsu pada maklumat dari kategori objek ($\text{min}=0.25$). Dapatan sebegini dapat mengesahkan bahawa ingatan palsu mudah terhasil bergantung kepada jenis maklumat apabila kanak-kanak perlu mengingat kembali secara bebas. Kajian oleh Poole dan White (1995) ada menunjukkan bahawa kanak-kanak pra sekolah berupaya untuk mengingat dengan tepat maklumat atau peristiwa pusat, iaitu objek yang perlu diingat merupakan tindakan menonjol atau peristiwa yang bermakna secara peribadi (Jones, Swift & Johnson 1988).

Dapatan ini juga boleh dijelaskan atas dasar bahawa maklumat dari kategori barang yang dibawa adalah maklumat yang kuat perkaitannya dengan perkara-perkara lain. Perkaitan adalah satu cara untuk mengingat yang berkesan. Misalnya, apabila kita menyebut "epal" kita akan teringat maklumat-maklumat lain yang berkaitan dengan epal seperti merah, bulat, pokok dan buah-buahan. Dalam kajian ini barang yang dibawa boleh dikaitkan dengan suspek dan persekitaran dalam filem yang ditunjukkan kepada kanak-kanak. Perkaitan sebegini telah membawa kanak-kanak kepada ingatan palsu.

Dapatan eksperimen 2 (mengingat kembali dengan tanda saran) telah menunjukkan bahawa terdapatnya kesan utama jenis soalan atau tanda saran yang berbeza (memimpin, mengeliru, neutral) terhadap ingatan palsu kanak-kanak. Kanak-kanak menghasilkan ingatan palsu lebih banyak pada jenis soalan mengeliru ($\text{min}=6.63$) daripada soalan jenis memimpin

($\text{min}=2.75$). Walau bagaimanapun, tidak ada perbezaan antara soalan jenis memimpin daripada soalan jenis neutral ($\text{min}=5.75$). Kanak-kanak menghasilkan lebih banyak ingatan palsu pada soalan neutral daripada soalan memimpin. Rozainee dan Lee (2004) telah menunjukkan bahawa peserta dewasa dalam kajian mereka lebih dipengaruhi oleh maklumat mengelirukan daripada maklumat memimpin dalam penghasilan ingatan palsu. Kajian ini membuktikan bahawa kanak-kanak pra sekolah juga menunjukkan tren yang sama dengan orang dewasa.

Eksperimen 3 menunjukkan kanak-kanak pra sekolah dalam kajian menghasilkan ingatan palsu juga dalam pengecaman. Ini jelas apabila kanak-kanak lebih cenderung memilih pengganggu daripada sasaran dalam ujian pengecaman. Terdapat juga kesan utama jenis pengganggu. Kanak-kanak pra sekolah lebih cenderung memilih gambar pengganggu tidak benar daripada gambar pengganggu memimpin. Sebab bagi kesan sedemikian boleh dijelaskan berdasarkan hujah berkaitan dengan mekanisme kognitif (Ceci & Bruck 1993). Dalam hal ini, soalan mengelirukan telah menyediakan cadangan maklumat yang telah menukar atau mengatasi *trace* ingatan asal tentang sesuatu peristiwa. Justeru, kesannya adalah penghasilan ingatan palsu dalam kanak-kanak pra sekolah. Implikasi dapatan kajian boleh diterapkan dalam bidang keesahan kenyataan saksi pada kanak-kanak. Kajian ini boleh diambil sebagai bukti bahawa ingatan palsu sememangnya wujud dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah. Sama ada kenyataan mereka khususnya dalam perbicaraan mahkamah boleh diterima atau tidak bergantung kepada maklumat dan cara kanak-kanak itu disoal.

KESIMPULAN

Kajian ini melibatkan tiga prosedur bagi mengukur ingatan palsu dalam kalangan kanak-kanak pra sekolah yang berumur antara 3 hingga 6 tahun. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujudnya ingatan palsu pada kanak-kanak pra sekolah. Ini didapati benar dalam ketiga-tiga eksperimen yang dijalankan iaitu ingat kembali secara bebas, ingat kembali dengan tanda saran dan pengecaman.

RUJUKAN

- Atkinson, R.C., & Shiffrin, R.M. (1968). "Chapter: Human memory: A proposed system and its control processes". in Spence, K.W. & Spence, J.T. *The psychology of learning and motivation (Volume 2)*. New York: Academic Press. pp. 89-195.
- Brainerd, C.J., Reyna, V.F., & Brandse, E. (1995). Fuzzy-Trace Theory and False Memory. *Psychological Science*, 6(6), 359-364.
- Ceci, S.J., & Bruck, M. (1993). Suggestibility of the child witness: a historical review and synthesis. *Psychological Bulletin*, 113(3), 403-439.

- Ceci, S.J., & Friedman, R.D., (2000). The suggestibility of children: scientific research and legal implications. *Cornell Law Review*, 86, 101-182.
- Dewhurst, S.A., & Robinson, C.A. (2004). False memories in children. Evidence for a shift from phonological to semantic associations. *American Psychological Society*, 15(11), 782-786.
- Garcia-Bajos, E., & Migueles, M. (2003). False memories for script actions in a mugging account. *European Journal of Cognitive Psychology*, 15(2), 195-208
- Hunt, R.R., & Ellis, H.C. (2004). *Fundamentals of Cognitive Psychology*. (7th ed.). Toronto: McGraw Hill.
- Jones, D.C., Swift, D.J., & Johnson, M.A. (1988). Nondeliberate memory for a novel event among preschoolers. *General Psychology*, 5, 641-645.
- Loftus, E. F. (1975). Leading questions and the eyewitness report. *Cognitive Psychology*, 7, 560-572.
- Loftus, E.F., & Pickrell, J.E.(1995). The formation of false memories. *Psychiatric Annals*, 25,720-725.
- Pezdek, K., & Lam, S. (2007). What research paradigms have cognitive psychologists used to study "False memory", and what are the implications of these choices? *Consciousness and Cognition*, 16, 2-17.
- Poole, D.A., & White, L.T. (1995). Effects of question repetition on the eyewitness testimony of children and adults. *Developmental Psychology*, 27 (6), 975-986.
- Rickertsen, K. & Bailenson, J. N. (2008). Virtually True: *Children's Acquisition of False Memories in Virtual Reality*. Paper presented at the annual meeting of the International Communication Association, TBA, Montreal, Quebec, Canada Online. Dicapai dari http://www.allacademic.com/meta/p232166_index.html
- Schneider, W. (2000). Research on memory development: historical trends and current themes. *International Journal of Behavioral Development*, 24(4), 407-420.
- Roediger, H.L., & McDermott, K.B. (1995). Creating false memories: Remembering words not presented in lists. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, & Cognition*, 21, 803-814.
- Rozainee Khairudin & Lee Siew Kee (2004). *False memory and face recognition in police recruits at the police training centre (PULAPOL): An experimental approach*. Paper presented at the international conference on social sciences and humanities, ukm, bangi
- Zaragoza, M.S., & Lane, S.M. (1994). Source misattributions and the suggestibility of eyewitness memory. *Journal of Experimental Psychology: Learning, Memory, & Cognition*, 20(4), 934-945.

Zaragoza, M.S., & Mitchell, K.J. (1996). Repeated exposure to suggestion and the creation of false memories. *Psychological Science*. 7(5), 294-300.